

Tahun Pemulihan

MEMBINA SEBUAH GEREJA SEL YANG MENGONGSIKAN YESUS DAN MENYENTUH HIDUP
MELALUI PEMURIDAN YANG SENTIASA BERTUMBUH DALAM KASIH
25 Mac 2018 Minggu Palma
KEPADA ALLAH DAN SESAMA MANUSIA.

RENUNGAN DOA DAN PUASA UNTUK MINGGU INI- KEPERLUAN ORANG LAIN

25 Mac 2018 Minggu Palma

Tetapi nasihatilah seorang akan yang lain setiap hari , selama masih dapat dikatakan "hari ini", supaya jangan ada di antara kamu yang menjadi tegar hatinya karena tipu daya dosa. (Ibrani 3:13) Yeremia mengingatkan kita tentang penipuan yang terdapat di dalam hati manusia (Yer 17:9). Disini, penulis kitab Ibrani berkata tentang penipuan dosa dan bagaimana pada akhirnya ia membawa kita menjauh dari Tuhan apabila ianya bergabung dengan hati yang jahat dan tidak percaya kepada Tuhan. Proses tersebut tidak berlaku secara tiba-tiba dan petikan ini, digunakan di tempat lain dalam Alkitab yang merujuk kepada proses "pengerasan". Orang tidak musnah dalam tempoh sehari. Sedikit demi sedikit, penipuan hati kita yang berdosa boleh membawa kita menjauh daripada hadirat Allah yang hidup.

Itulah sebabnya ia berkata "nasihatilah seorang akan yang lain setiap hari". Kita perlu mendengar pandangan daripada orang Kristian yang lain, bukan hanya sekali seminggu tetapi setiap hari! Perkataan "nasihat" adalah satu kata yang kuat, sama seperti kata-kata dorongan atau menekan seseorang untuk melakukan sesuatu. Penulis yang sama kemudian menggunakan istilah yang kuat, betapa perlunya kita saling "memperhatikan" supaya kita saling mendorong dalam kasih dan dalam pekerjaan yang baik (Ibrani 10:24) Kita memerlukan satu sama lain, dan kita memerlukannya secara berterusan. Inilah apa yang dikatakan oleh Firman Tuhan dan yang berlaku dalam kehidupan kita. Semestinya, kita memerlukan Tuhan serta membuat renungan peribadi setiap hari. Tetapi kalau kita bersendirian, kita lebih cenderung untuk ditipu. Saya boleh katakan bahawa, tidak ada perkara yang lebih menakutkan daripada orang Kristian yang hidup tanpa kebertanggungjawaban. Satu bukti yang jelas tentang penipuan diri sendiri ialah ianya tidak kelihatan walaupun mereka juga sebenarnya sedang bersosial dengan orang lain. Jauh di dalam hati, mereka terikat dengan perasaan emosi yang tidak sihat- tidak berkongsi perkara atau keadaan yang sedang berlaku dalam hati atau dalam kehidupan mereka. Lebih menyedihkan, mereka tidak mempunyai sahabat yang boleh mendorong mereka secara rohani.

Kita perlu membuka kehidupan kita di antara sesama. Kita juga memerlukan sahabat dalam perjalanan kehidupan kita . Sebahagian daripada kita telah pun mempunyai perhubungan yang baik dengan sahabat atau pun mempunyai kumpulan untuk belajar Alkitab bersama di mana kita boleh mendapat sahabat-sahabat rohani kita. Jika kita serius untuk mengikut Yesus Kristus dan ingin bertumbuh dalam kerohanian, perkara ini adalah sangat penting. Jika tidak, kita hanya memperdayakan diri sendiri, membuat peraturan sendiri dan membayangkan Tuhan sedang menghukum cara hidup dan nilai murni kita. Kita dengan mudahnya "ditipu" oleh diri sendiri. Saya pernah bercakap dengan seseorang yang pernah ditipu secara terang-terangan. Dia memberikan seribu dolar secara konsisten untuk seseorang di luar negara yang mengaku dirinya boleh bernubuat dan melihat penglihatan. Ini adalah kes yang sangat jelas, di mana dia boleh sahaja berdoa sebanyak yang diinginkannya tapi tidak berbuat demikian malah dia ditipu. Saya mengalami masa yang sukar untuk memujuk dia tentang kebenaran bahawa dia telah terperangkap di dalam kehidupan realitinya.

Tiada sesiapa yang menyedari bahawa kita boleh ditipu. Penipu yang terdahulu telah pun berada di sini. Dia telah menipu Adam dan Hawa malah lebih ramai lagi sejak itu. Berwaspadalah terhadap dia.